MBF FINANCE BHD

lwn.

SYKT NOMA PENGANGKUTAN SDN BHD & YANG LAIN

MAHKAMAH TINGGI MALAYA, MELAKA
ABDUL HAMID SAID PK
[GUAMAN SIVIL NO: 22-50-1993]
18 DISEMBER 1998

KEBANKRAPAN: *Keupayaan seorang bankrap - Keupayaan memeterai perjanjian - Bankrap memeterai perjanjian sebagai wakil syarikat - Samada perjanjian sah - Akta Kebankrapan 1967, s. 38(1)(d) - Akta Syarikat 1965, ss. 125, 127*

KONTRAK: *Pembentukan - Perjanjian sewa beli - Perjanjian dimeterai oleh seorang bankrap - Samada perjanjian sah - Akta Kebankrapan 1967, s. 38(1)(d) - Akta Syarikat 1965, ss. 125, 127*

Melalui satu perjanjian sewa beli ('perjanjian'), plaintif telah memberi kemudahan sewa beli kepada defendan pertama ('syarikat'), perjanjian mana dijamin oleh defendan-defendan kedua, ketiga dan keempat. Perjanjian tersebut ditandatangani antara lain oleh wakil syarikat ('Zulkifli'), atas kuasa yang diberi kepadanya oleh lembaga pengarah syarikat. Zulkifli, tanpa pengetahuan plaintif, adalah seorang bankrap pada waktu material.

Pertikaian timbul di antara plaintif dengan defendan-defendan dan plaintif memulakan prosiding mahkamah terhadap defendan-defendan. Plaintif kemudian memohon penghakiman terus di bawah A. 14 Kaedah-keadah Mahkamah Tinggi 1980. Permohonan plaintif bagaimanapun ditolak oleh penolong kanan pendaftar dan plaintif merayu. Di hadapan yang arif hakim, hujah-hujah telah dikemukakan berhubung tafsiran ss. 125 dan 127 Akta Syarikat 1965 serta s. 38(1)(d) Akta Kebankrapan 1967. Defendan-defendan antara lain berhujah bahawa perjanjian adalah dari awal-awal lagi tidak sah kerana dimeterai oleh seorang bankrap, yang berakibat perjanjian gerenti juga menjadi tidak sah. Persoalan penting yang timbul ialah: (i) samada perjanjian menjadi tidak sah kerana dimeterai oleh seorang bankrap; dan (ii) samada defendan kedua, ketiga dan keempat bertanggungan terhadap dokumen gerenti dan tanggungrugi yang dimeterai mereka.

Diputuskan:

[1] Lembaga pengarah telah memberi kuasa kepada Zulkilfi cuma untuk menandatangani perjanjian. Tiada apa-apa dokumen di mahkamah yang mengatakan bahawa Zulkifli adalah seorang pengarah syarikat. Oleh hal yang demikian ss. 125 dan 127 Akta Syarikat 1965 adalah tidak berkaitan.

[1a] Berdasarkan keputusan kes *Pekan Nenas Industries Sdn Bhd v. Chang Ching Chuen & Ors*, serta rukun *Turquand*, plaintif tidak perlu menyoal pengurusan dalaman syarikat apabila Zulkilfli menjalankan kuasa yang diberi kepadanya oleh lembaga pengarah syarikat. Oleh itu kontrak sewabeli di antara syarikat dan plaintif adalah sah.

[2] Perjanjian gerenti dan tanggungrugi menunjukkan bahawa defendan-defendan kedua hingga keempat menjamin dan menanggung segala kerugian plaintif yang timbul akibat daripada perjanjian. Mereka mestilah bertanggungan terhadap gerenti dan tanggungan yang mereka beri kepada plaintif.

[Rayuan dibenarkan.]

Kes yang dirujuk:
Bank Negara Malaysia v. Mohd Ismail & Ors [1992] 1 CLJ 627 ***(dirujuk)***
Chung Khiaw Bank Ltd v. Soi Han & Ors [1986] 1 MLJ 188 ***(dirujuk)***
Cooper v. National Provincial Bank Ltd [1945] KB 1 ***(dirujuk)***
Fadzil Mohamed Noor v. Universiti Teknologi Malaysia [1981] 1 CLJ 85 ***(dirujuk)***
Gan Hong Hoe v. Gan Kim Hee [1939] MLJ Rep 227 ***(dirujuk)***
Leong Weng Choon v. Consolidated Leasing (M) Sdn Bhd [1998] 3 CLJ 619 ***(dirujuk)***
Pekan Nenas Industries Sdn Bhd v. Chang Ching Chuen & Ors [1998] 1 CLJ 793 ***(dirujuk)***
Re Kwan Chew Shen; Official Assignee of the Property of Kwan Chew Shen v. Citibank NA [1987] 1 CLJ 319 ***(dirujuk)***
Rengamah Rengasamy v. Tai Yoke Lai & Anor [1998] 1 CLJ 987 ***(dirujuk)***
South East Asia Insurance Bhd v. Nasir Ibrahim [1992] 2 MLJ 355 ***(dirujuk)***
The Topps Co Inc v. Mally Jaya Sdn Bhd [1998] 2 CLJ Supp 235 ***(dirujuk)***

Perundangan yang dirujuk:
Bankruptcy Act 1967, s. 38(1)(d)
Companies Act 1965, ss. 125, 127
Rules of the High Court 1980, O. 14

Sumber yang dirujuk:
Law of Banking, Poh Chu Chai, vol 2, ms 113
The Modern Contract of Guarantee, James O'Donovan & John C Philips

Bagi pihak plaintiff - Lai Kuan Jean; T/n Taye & Co
Bagi pihak defendan kedua & keempat - P Vanaja Dewi; T/n A Rengganathan & Co

Dilaporkan oleh WA Sharif

PENGHAKIMAN

Abdul Hamid Said PK:

Pada 15 September 1998, Penolong Kanan Pendaftar (PKP) menolak permohonan plaintif/perayu (plaintif) memasukkan penghakiman muktamad di bawah A. 14 Kaedah-Kaedah Mahkamah Tinggi 1980 (KMT) terhadap defendan kedua, ketiga dan keempat kerana perjanjian sewa-beli itu ditandatangan oleh seorang bankrap. Ini tidak dinafikan oleh plaintif. Persoalan utama ialah sama ada perjanjian itu adalah sah atau tidak menjadikannya suatu isu yang perlu dibicara, hujah defendan-defendan/responden-responden (defendan).

Pada 28 September 1990, plaintif bersetuju memberi kemudahan sewa-beli berjumlah RM252,536.33 kepada defendan pertama. Perjanjian sewa-beli ini dijamin oleh defendan kedua, ketiga dan keempat. Perjanjian yang ditandatangani ketiga-tiga defendan semuanya bertarikh 28 Jun 1990. Ia merupakan perjanjian gerenti dan tanggungrugi. Defendan kedua dan ketiga adalah pengarah defendan keempat.

Di dalam pembelaannya, defendan mengatakan bahawa perjanjian sewa-beli dan surat jaminan tidak sah dari awal. Ini ialah kerana Zulkifli bin Mat Isa yang diberikuasa oleh lembaga pengarah defendan pertama telah diisytiharkan bankrap oleh mahkamah pada 25 November 1988. Di sini ingin dirakamkan bahawa ada perbezaan ejaan nama. Di dalam resolusi pengarah-pengarah ejaannya adalah seperti di atas. Tetapi di dalam carian di Jabatan Pemegang Harta Malaysia yang dilakukan oleh peguam plaintif namanya dieja sebagai Zulkiflee bin Mat Isa. Perbezaan ejaan nama ini tidak menjadi isu kerana dalam afidavit jawapannya defendan mengatakan bahawa Zulkiflee adalah orang yang tidak mempunyai kedudukan dalam sisi undang-undang kerana ia seorang bankrap. Dengan ini Zulkifli atau Zulkiflee adalah orang yang sama – lihat afidavit defendan kedua dan ketiga bertarikh 25 Januari 1994 (Kdg 33). Oleh kerana kedua-dua pihak tidak membangkitkan isu ini maka saya tidak membuat keputusan.

Isu utama yang dipertikaikan ialah perjanjian sewa-beli yang ditandatangani oleh seorang wakil syarikat yang telah diisytiharkan bankrap tidak sah dari awal. Dan oleh kerana itu, penjanjian gerenti dan tanggungrugi (indemniti) yang ditandatangani oleh ketiga-tiga defendan juga tidak sah.

Hujah kedua-dua peguam plaintif dan defendan berkisar pada tafsiran ss. 125 dan 127 Akta Syarikat 1965 (AS 65) dan s. 38(1)(d) Akta Kebankrapan 1967 (Akta Kebankrapan).

Seksyen 38(1)(d) Akta Kebankrapan berbunyi:

> (1) Where a bankrupt has not obtained his discharge:
>
> (d) the bankrupt shall not, except with the previous permission of the Official Assignee or of the court, enter into or carry on any business either alone or in partnership, or become a director of any company or otherwise directly or indirectly take part in the management of any company;

Sementara s. 125 AS 65 berbunyi:

> 12(1) Every person who being an undischarged bankrupt acts as director of, or directly or indirectly takes part in or is concerned in the management of, any corporation except with the leave of the Court shall be guilty of an offence against this Act.

Dan s. 127 AS 65 berbunyi:

> The acts of a director or manager or secretary shall be valid not withstanding any defect that may afterwards be discovered in his appointment or qualification.

Peguam defendan berhujah bahawa s. 38(1)(d) Akta Kebankrapan boleh dipakai di dalam kes ini. Peguam tersebut mencadangkan bahawa kes *The Topps Co Inc v. Mally Jaya Sdn Bhd* [1998] 2 CLJ Supp 235; [1998] 5 MLJ 744 *(The Topps)* menyokong hujahnya. Di dalam keputusannya YA Low Hop Bing HMT memutuskan s. 38(1)(d) dan s. 109 Akta Kebankrapan dengan jelasnya melarang seorang bankrap dari mengambil bahagian di dalam pengurusan sesebuah syarikat. Larangan ini adalah luas untuk melarang pengikrar afidavit dari mengatakan yang ia adalah seorang pengurus. Kes ini adalah kes di mana seorang bankrap yang mengaku dirinya seorang pengurus. Dan ini dilarang oleh Akta Kebankrapan kerana ia mengambil bahagian di dalam urusan syarikat.

Peguam plaintif merujuk kepada dua kes bagi menyokong hujahnya bahawa s. 38(1)(d) Akta Kebankrapan tidak terpakai di dalam kes ini. Beliau merujuk kepada dua kes yang hampir sama. Pertama ialah kes *Gan Hong Hoe v. Gan Kim Hee* [1939] MLJ Rep 227 *(Gan Hong Hoe)* dan kedua kes *Re Kwan Chew Shen t/a Syarikat Kaaf; Official Assignee of the Property of Kwan Chew Shen, a bankrupt v. Citibank NA* [1987] 1 CLJ 319 *(Kwan Chew Shen).*

Di dalam kes *Gan Hong Hoe* McElwaine CJ (SS) pada masa itu, mendapati bahawa responden berhutang selepas perintah penerimaan dan penghukuman dibuat terhadapnya. Di perenggan H-I kanan YAA hakim memutuskan selanjutnya:

> [296] As between the parties to this litigation the bankruptcy did not vest the post bankruptcy property in the Official Assignee, and although he may be able to assert a claim over after acquired property the rights of the parties *vis-a-vis* one another are not affected.

Kes *Gan Hong Hoe* adalah kes barang yang dijual dan diserahkan.

Kes *Kwan Chew Shan* adalah kes di mana YA hakim VC George, pada masa itu, memutuskan bahawa ada kepercayaan umum bahawa apabila seseorang telah dihukum bankrap haknya untuk memasuki kontrak terhenti sehingganya ia dilepaskan. Ini, kata YA hakim itu adalah sesuatu kepercayaan yang salah. Seterusnya YA hakim, pada masa itu, memutuskan bahawa ss. 36 dan 38 Akta Kebankrapan menyenaraikan kehilangan kelayakan dan hilang upaya seorang bankrap. Di antara lain ia tidak boleh memegang jawatan tertentu, ia tidak boleh mengambil tindakan guaman tanpa kebenaran pegawai pemegang harta memasuki atau menjalankan sesuatu perniagaan, menjadi seorang pengarah (ataupun mengambil bahagian di dalam pengurusan) sesuatu syarikat. Sementara ia tidak boleh memasuki sesuatu kontrak yang sama seperti menjalankan perniagaan tetapi adalah nyata bahawa tiada halangan menyeluruh, secara tertulis atau tersirat, bagi seorang bankrap memasuki sesuatu kontrak.

Di dalam kes *Kwan Chew Shen*, sibankrap adalah seorang yang bukan menjadi pengarah syarikat. Ia dihukum bankrap oleh kerana hutang piutangnya dalam perniagaan tunggal.

Isu yang dihadapi ialah seorang bankrap yang menandatangani perjanjian sewa-beli bagi pihak syarikat. Bolehkah ia mewakili syarikat dan menandatangani kontrak? Adakah kontrak itu batal dari asal? Dan jika kontrak jual beli batal adakah jaminan dan tanggung rugi yang ditandatangani oleh penjamin-penjamin juga batal?

Dalam hujahnya peguam plaintif merujuk kepada kes *Cooper v. National Provincial Bank Ltd* [1945] KB 1. Kes tersebut adalah kes seorang isteri yang memberi kuasa kepada suaminya, seorang bankrap, untuk mengeluarkan wang dari akaun isterinya. Soalan yang timbul di dalam kes tersebut ini ialah sama ada bank perlu memberitahu kepada penjamin bahawa suami pemegang akaun itu seorang bankrap. Di halaman 7 Mahkamah Rayuan di England memutuskan bahawa:

The fact that her husband to whom she gave this authority to draw on her account was an undischarged bankrupt does not make the authority so unusual that it ought to have been communicated by the bank to the intended surety.

Peguam defendan berhujah bahawa s. 38(1)(d) Akta Kebankrapan hendaklah dibaca bersama s. 24 Akta Kontrak 1950 (AK 50). Bagi menguatkan hujahnya beliau merujuk kepada kes *The Topps* dan juga kes *Rengamah Rengasamy v. Tai Yoke Lai & Anor* [1998] 1 CLJ 987 *(Rengamah)*. Kes *Rengamah* memutuskan bahawa s. 24 AK 50 tidak boleh dipakai kepada kontrak di mana statut mengizinkan sesuatu kontrak yang tidak dibenarkan oleh s. 24 AK 50.

Defendan telah memfailkan pernyataan belaannya pada 22 November 1993. Sebelum ini defendan keempat melalui defendan kedua ada berutus faks dengan plaintif mengakui bahawa pemegang permitnya, "Our permit holder Noma (defendan pertama)." Di sini adanya kaitan di antara defendan pertama dan ketiga-tiga defendan lain. Di dalam afidavit jawapan defendan kedua dan ketiga mengaku bahawa mereka adalah pengarah defendan keempat.

Seksyen 38(1)(d) Akta Kebankrapan menghalang seorang bankrap berniaga seorang diri atau sebagai rakan kongsi ataupun menjadi seorang pengarah ataupun "directly or indirectly take part in the management of any company."

Resolusi tersebut cuma memberi kuasa kepada Zulkifli untuk menandatangani semua dokumen berkaitan dengan "abovementioned arrangement." Di sini tidak jelas sama ada Zulkifli itu seorang pekerja saja. Dari resolusi di atas, saya berpendapat lembaga pengarah telah memberi kuasa kepada Zulkifli cuma untuk menandatangani penjanjian sewa-beli. Tiada apa-apa dokumen di mahkamah yang mengatakan bahawa Zulkifli adalah seorang pengarah syarikat defendan pertama. Dengan hal yang demikian, saya dapati ss. 125 dan 127 AS 65 tiada kaitan dalam kes ini. Ini ialah kerana s. 125 AS 65 melarang seorang bankrap dari menjadi pengarah syarikat ataupun secara terus atau tidak terus mengambil bahagian dalam mengurus syarikat. Sementara s. 127 AS 65 menggariskan akibat lakuan dari seorang pengarah termasuk pegawai lain yang didapati cacat lantikannya.

Berasaskan kepada resolusi tersebut, maka plaintif memberi kemudahan sewa-beli. Saya dirujuk kepada kes *Pekan Nenas Industries Sdn Bhd v. Chang Ching Chuen & 12 Ors* [1998] 1 CLJ 793; [1998] 1 AMR 169. Kes ini adalah kes pertikaian di dalam syarikat keluarga. Isteri pertama dan anak-anak dari perkahwinannya dengan Dollah merebut kuasa apabila Dollah kahwin sekali lagi. Isteri pertama dan anak-anaknya mengambil beberapa tindakan untuk berkuasa di dalam syarikat keluarga itu. Salah satu langkah yang diambil oleh syarikat keluarga itu adalah menjual tanah yang dipertikaikan. Tanah itu dibeli oleh seorang pembeli melalui seorang broker. Dollah memasukkan kaveat terhadap tanah yang dipertikaikan.

Di dalam keputusannya, YAA hakim Edgar Joseph Jr HMP yang memberi keputusan bagi Mahkamah Agung berkata:

> Mahkamah Tinggi dan Mahkamah Rayuan terkhilaf dari segi undang-undang dengan menyimpulkan bahawa rukun dalam kes *Turquand* tidak terpakai. Rukun tersebut melindungi orang luar yang berurusan dengan syarikat dengan suci hati yang berhak menganggap bahawa perbuatan dalam perlembagaan dan kuasanya telah dilaksanakan secara wajar, dan tidak terikat untuk bertanya sama ada perbuatan pengurusan dalaman adalah biasa. Rukun tersebut menimbulkan anggapan yang tidak boleh dipatahkan, supaya syarikat berkenaan adalah dihalang daripada membuktikan atau bergantung pada hakikat bahawa prosiding adalah luar aturan atau tanpa kebenaran ... tidak diikut.

Berasaskan keputusan ini adalah nyata bahawa plaintif tidak perlu menyoal pengurusan dalaman syarikat apabila Zulkifli menjalankan kuasa yang diberi kepadanya oleh lembaga pengarah defendan pertama.

Sebagai rumusan saya memutuskan bahawa kontrak sewa-beli di antara defendan pertama dan plaintif adalah sah.

Isu kedua adalah sama ada defendan bertanggungan terhadap gerenti dan tanggung rugi bertarikh 28 Jun 1990.

Poh Chu Chai di dalam bukunya *Law of Banking* - vol. 2 di halaman 113 menulis:

> When a guarantee is also worded as an indemnity, the agreement will be construed both as a guarantee and an indemnity. In *Chung Khiaw Bank Ltd v. Soi Han & Ors* [1986] 1 MLJ 188 it was decided by Shankar J that when an agreement was worded both as a guarantee and an indemnity, the agreement was to be construed both as a guarantee and an indemnity, and as an indemnity, the liability of the guarantor was no longer dependant on the default of the principal debtor.

Perenggan 3 guarantee dan indemnity itu berbunyi:

> I/We will jointly and severally on written demand indemnify you against any loss or damage you may sustain under the said Hire Purchase Agreement whether or not such loss or damage results from the commission of any breach by the Hirer and whether or not you have any legal right to claim against the Hirer for such loss or damage or have availed yourself of your legal remedies against the Hirer or the goods comprised in the said Hire Purchase Agreement.

Di dalam buku *'The Modern Contract of Guarantee'* oleh James O'Donovan dan John C Philips di bawah tajuk (iv) *Contracts of Indemnity* berkata:

> If the contract is clearly one of indemnity so that the indemnifier is liable regardless of any default on breach by the principal, the creditor may still recover his losses in the event of the principal transaction being defective in some way.

Di dalam kes *South East Asia Insurance Bhd v. Nasir Ibrahim* [1992] 2 MLJ 355 Mahkamah Agung, pada masa itu, memutuskan di halaman 360 garisan di antara D dan E:

> In a contract of indemnity, the promisor undertakes an original and independent obligation to indemnify ... (see *Yeoman Credit Ltd v. Latter* [1961] 1 WLR 828)

Dari autoriti di atas, maka adalah nyata bahawa defendan kedua hingga keempat bertanggungan terhadap gerenti dan tanggungan yang diberi mereka kepada plaintif.

Defendan telah juga, selain dan membangkitkan isu-isu di atas membangkitkan isu-isu berikut:

i) Kegagalan plaintif mematuhi peruntukan Akta Sewa-Beli 1967 di dalam memasuki surat perjanjian tersebut khasnya s. 4 Akta tersebut.

ii) Kegagalan plaintif mempastikan yang bas tersebut mempunyai kelulusan permit persiaran.

iii) Kegagalan plaintif mematuhi peruntukan Akta Sewa-Beli 1967 khasnya ss. 17, 18, 19 dan 21.

iv) Kegagalan plaintif mematuhi Fasal 9 dan 10 surat perjanjian tersebut. Afidavit jawapan (Kdg 33) perenggan 1 berbunyi:

1. Kami adalah defendan 2 dan 3 dalam tindakan ini yang mana kami juga adalah pengarah syarikat defendan 4 dan di beri kuasa untuk membuat afidavit ini bagi pihak defendan 4.

Bagi menjawab isu-isu di atas, plaintif telah merujuk kepada kdg (31) eks. I – Eksibit ini menunjukkan jadual kedua (s. 4) yang telah diakui terima oleh defendan pertama.

Dalam kdg (31) juga, plaintif telah mempamerkan permit bas perlancongan yang dikeluarkan oleh Lembaga Perlesenan Pengangkutan Jalan, Malaysia – eks. J.

Plaintif telah juga mengeksibitkan faks bertarikh 15 September 1992 dari defendan keempat kepada plaintif – kdg (31) eks. K. Faks ini berbunyi:

> Please refer to the two vehicles namely WBY 1747 and WBY 5707 which were under MBf Financing ...
>
> Sometime last week, our Permit Holder Mr Zulkifli went to your office and spoke to you on the subject of these two vehicles one being held in JPJ Compound in Kuala Lumpur on the case of the Original Permit ...
>
> Our Permit Holder Noma had obtained 15 permits on 26 October 1989 ...

Dari afidavit defendan keempat dan dari eksibit-eksibit yang tidak dicabar atau dipertikaikan maka adalah nyata bahawa defendan adalah penyewa permit. Mereka sedari apa yang berlaku. Mereka mempunyai kepentingan di dalam segala urusan bas semasa digunakan – lihat *Leong Weng Choon v. Consolidated Leasing (M) Sdn Bhd* [1998] 3 CLJ 619; [1998] 3 MLJ 863.

Setelah mengkaji semua belaan defendan kedua hingga keempat saya bersetuju dengan apa yang dikatakan oleh YA Shankar, pada masa itu, di halaman 191 dalam kes *Chung Khiaw Bank Ltd v. Soi Han & Ors* [1986] 1 MLJ 188. YA berkata:

> Admittedly the amount for which the bank was suing was very large, but there are other considerations here which make it desirable in my view to state that while legal submissions unworthy of argument may have the merit of buying time for hard pressed litigants, their ultimate effect would not only be to erode the credibility of their proponents but also of the court, whose business it is to ensure that justice is not delayed.

Akhirnya saya suka merujuk kepada tugas hakim di dalam permohonan di bawah A. 14 KMT. Dalam kes *Fadzil bin Mohamed Noor v. Universiti Teknologi Malaysia* [1981] 2 MLJ 196, YAA Hakim Raja Azlan Shah, Ketua Hakim (Malaya) pada masa itu, berkata di halaman 196;

> If a point taken under the Acts is quite obviously unarguable point, and the court is satisfied that it is really unarguable, the court has precisely the same duty under Order 14 as it has in any other case. The court has the duty to apply the rule: (see *Harry Tong Lee Hwa v. Yong Kok Chin* [1981] 2 MLJ 1). In *Esso Standard Malaya Bhd v. Southern Cross Airways (M) Bhd* [1972] 1 MLJ 168, I pointed out that in an Order 14 case, where it turned on the construction of a few documents, and the court was only concerned with what, in its judgment, was the true construction, there could be no reason to go formally for trial where no further facts could emerge which would throw any light on the documents that had to be construed.

Di dalam kes *Bank Negara Malaysia v. Mohd Ismail & Ors* [1992] 1 MLJ 400 Mahkamah Agung, pada masa itu, memutuskan, halaman 408. YAA Mohamed Azmi HMA, memutuskan:

> Under an Order 14 application, the duty of a judge does not end as soon as a fact is asserted by one party and denied or disputed by the other in an affidavit. Where such assertion, denial or dispute is equivocal, or lacking in precision or is inconsistent with undisputed contemporary documents or other statements by the same deponent, or is inherently improbable in itself, then the judge has a duty to reject such assertion or denial, thereby rendering the issue not triable ...

Where the issue raised is solely a question of law without reference to any facts or where the facts are clear and undisputed, the court should exercise its duty under Order 14. If the legal point is understood and the court is satisfied that it is unarguable, the court is not prevented from granting a summary judgment merely because "the question of law is at first blush of some complexity and therefore it takes a little longer to understand" (see *Cow & Casey* [1949] 1 All ER 197 and *European Asian Bank AG v. Punjab & Sind Bank* [1983] 2 All ER 508.)

Keputusan ini adalah keputusan majoriti.

Plaintif di dalam afidavitnya di kdg 26 telah mempamerkan surat tuntutan kepada defendan dan ini tidak dinafikan. Afidavit jawapan defendan kekeringan penafian tuntutan yang dibuat oleh plaintif.

Rayuan ini dibenarkan dengan kos.